

24/03/2001

Sabah akan mohon halang injunksi tiga ahli perniagaan

Lichong Angkui; Sitti Nor Azizah Talata

KOTA KINABALU, Jumaat - Kerajaan Sabah akan memohon mengetepikan permohonan tiga ahli perniagaan mendapat perintah menghalang Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai daripada melantik dan mengadakan upacara angkat sumpah Datuk Chong Kah Kiat sebagai Ketua Menteri yang baru.

Pejabat Peguam Besar Negeri sudah diarah mengambil tindakan susulan berhubung tindakan tiga ahli perniagaan Sabah yang mengemukakan permohonan injunksi itu.

Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, berkata beliau yang mengetahui perkara itu menerusi laporan media sudah meminta Peguam Besar Negeri memberi pandangan mengenainya.

"Saya serahkan kepada Peguam Besar Negeri untuk mendapatkan pandangan mengikut saluran undang-undang," katanya ketika ditemui pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Negeri di Sembulan, hari ini.

Sambil meminta semua pihak tidak mempertikaikan pelantikan Chong, beliau menegaskan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) sudah memersetujuinya selepas diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur minggu lalu.

"Saya sendiri tidak ada masalah mengenai pelantikan Ketua Menteri baru itu kerana kita semua (komponen BN) telah bersetuju," katanya.

Pemangku Peguam Besar Negeri, Halimah Nawab Khan tidak dapat dihubungi untuk mengulas perkara ini.

Sebelum itu, pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) sejurus tiba dari Kuala Lumpur pagi ini, Osu berkata Umno Sabah menerima keputusan meneruskan sistem penggiliran Ketua Menteri dengan sedikit perubahan itu.

Katanya, Umno sebagai anggota komponen utama BN Sabah, akur dengan keputusan itu.

"Sehubungan itu, saya akan menjelaskan perkara ini kepada ahli Umno peringkat akar-umbi bagi mengelak keputusan itu disalahertikan oleh mana-mana pihak terutama ahli Umno Sabah," katanya.

Mengenai peletakan jawatannya, Osu berkata memang menjadi amalan apabila seorang ketua menteri baru dilantik, ketua menteri sedia ada akan menyerahkan surat peletakan jawatan kepada Yang Dipertua Negeri.

Menurutnya, perkara itu sudah menjadi amalan biasa dan tidak sepatutnya menjadi isu.

Osu menasihatkan masyarakat Kadazandusun/Murut tidak kecewa dengan pelantikan ketua menteri mewakili kuota Cina, sebaliknya meneruskan sokongan kepada BN bagi menentukan kuasa melalui penggiliran dapat dikongsi bersama.

Beliau berkata, walaupun keputusan penggiliran tidak memihak kepada masyarakat Kadazandusun, itu bukan bermakna mereka dianaktirikan oleh pucuk pimpinan parti.

Katanya, masyarakat Kadazandusun perlu memahami bahawa sokongan mereka sangat penting bagi menentukan pembahagian kuasa melalui penggiliran dapat dikongsi bersama semua pihak.

"Mungkin ada yang tidak senang hati, tetapi apabila kita duduk dan renung kembali keputusan itu, ianya adalah satu keputusan yang baik untuk jangka panjang," katanya.

(END)